

REMAJA DAN BLOG

Oleh Nor Suhada Rasdi

APAKAH kaitannya blog dengan remaja? Mengapakah blog menjadi kegunaan remaja? Kini, semakin banyak remaja Malaysia yang memiliki blog sendiri dan hal ini dilihat seolah-olah kemestian kerana fungsi blog yang pelbagai.

Kegunaan remaja terhadap blog semakin meningkat apabila hos MySpace memperkenalkan blog percuma untuk para penggunanya. Sikap remaja yang mudah terpengaruh menyebabkan banyak remaja yang ingin mempunyai blog sendiri. Tanpa disedari situasi ini menyebabkan blog menjadi kegunaan kepada remaja. Mereka beranggapan dengan memiliki blog dapat melambangkan identiti mereka yang sebenar, malahan remaja menjadikan blog sebagai laluan dan wadah perantaraan untuk berkongsi sesuatu perkara dengan orang lain.

Blog juga digunakan untuk menyampaikan komen, idea dan pendapat tentang sesuatu isu secara mendalam sama ada secara positif atau negatif. Bahkan, tidak dinafikan Internet telah mewujudkan kemunculan blog terutamanya kepada remaja sebagai wahana berkongsi fikiran di alam siber.

Berdasarkan statistik Technorati, terdapat lebih 112 juta blog diwujudkan dan hal ini bermakna sebanyak 175 000 blog baharu dibina setiap hari. Statistik ini melibatkan remaja yang sememangnya taasub dengan dunia blog. Mereka tertarik oleh kandungan blog yang boleh dimuat turun pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja. Tanpa disedari, penggunaan blog menjadi budaya popular dalam kalangan remaja kini kerana mereka dapat berkongsi pelbagai maklumat, selain-boleh dikemas kini secara harian, mingguan atau bulanan. Blog dianggap sebagai media baharu yang mudah diaplikasikan sejajar dengan perkembangan teknologi yang pesat membangun.

Antara faktor lain yang menarik perhatian remaja terhadap blog termasuklah fungsi blog



Remaja sinonim dengan blog.

sebagai wahana berkongsi maklumat, sebagai diari atau tempat mempamerkan minat. Remaja dapat berkongsi sesuatu maklumat terkini dengan cepat. Contohnya, blog dapat menggantikan televisyen untuk mengetahui berita terkini.

Blog juga merupakan diari yang boleh digunakan untuk mencatat pelbagai aktiviti harian. Maka, tidak hairanlah blog dijadikan tempat remaja berkongsi hari-hari yang dilalui bersama-sama dengan pembaca blog. Bahkan, remaja boleh menggunakan blog untuk meluahkan emosi terhadap sesuatu perkara. Selain itu, remaja boleh menonjolkan kelebihan yang dimiliki, seperti menulis, melukis dan merakam lagu atau merakam video. Blog menjadi medium kepada remaja untuk mempamerkan hasil karya mereka yang kreatif dan unik.

Blog merupakan ledakan besar kepesatan kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi. Sesiapa yang menolak atau memusuhinya ternyata melawan arus dan dianggap "takut akan bayang-bayang sendiri". Situasi ini jelas menunjukkan bahawa blog merupakan medium yang semakin mendapat tempat di hati masyarakat Malaysia khususnya remaja. Remaja turut menyuarakan pandangan mereka menerusi catatan atau diari secara dalam talian. Contohnya, perasaan kecewa, gembira, keluh-kesah dan komen disampaikan dalam pelbagai bentuk serta gaya. Hal ini demikian kerana pandangan yang dimuatkan ke dalam blog, lazimnya mencerminkan suara hati remaja.



Sebenarnya, sifat blog yang interaktif, pembaca boleh meninggalkan sebarang ulasan atau komen merupakan antara ciri yang diminati oleh remaja untuk memiliki blog. Blog merupakan medium yang tidak boleh dipandang sebelah mata, seperti pada awal penggunaan internet di negara kita.

Remaja dilingkari perubahan zaman. Remaja kini dahaga maklumat yang bersifat pantas dan segera. Mereka tidak gemar untuk membaca akhbar dan juga malas menonton televisyen yang sarat dengan iklan sedangkan berita yang dicari belum tentu disiarkan. Realitinya komuniti penulis blog diwarnai oleh kumpulan yang berkongsi minat, seperti sukan, personaliti, mencari peluang perniagaan dan yang berkaitan diari kehidupan seharian.

Oleh sebab itu, bukanlah kejutan apabila kajian "Blogging Asia: A Window Live Report" (2008) yang disiarkan dalam Utusan Malaysia dalam talian (2010) menunjukkan 74 peratus penulis blog di Malaysia terdiri daripada remaja yang berusia di bawah usia 25 tahun. Kajian tersebut juga menunjukkan 64 peratus daripada mereka merupakan wanita. Malaysia merupakan antara negara yang memiliki pengendali laman blog yang tertinggi di dunia, iaitu dianggarkan hampir 500 000 blog yang aktif dikendalikan oleh pelbagai golongan termasuklah remaja, selepas Kesatuan Eropah dan Indonesia. Oleh sebab itu, tidak kira apa-apa jua situasi, blog dilihat akan terus berkembang menjadi kuasa besar dan idola kepada remaja.

Secara keseluruhannya, perkembangan teknologi yang pesat pada masa kini menyebabkan hubungan remaja dan internet semakin erat di alam siber. Hal ini demikian kerana penggunaan internet berjaya mempengaruhi rakyat Malaysia khususnya golongan remaja untuk terlibat dalam budaya baharu masyarakat, iaitu *blogging* yang dianggap sebagai media alternatif. Blog mampu mengemukakan pelbagai maklumat alternatif dengan pantas dan cepat kepada sesiapa yang berminat untuk mengetahuinya. Secara tidak langsung, remaja akan menggunakan blog untuk berkongsi sesuatu perkara atau isu dengan khalayak lain secara mendalam dan terperinci.

Namun begitu, dalam kegilaan remaja terhadap blog, mereka harus berfikir dengan lebih rasional agar tidak tersilap langkah ketika menggunakan blog. Hal ini demikian kerana blog mempunyai kebaikan dan keburukan tersendiri. Baik atau buruk blog sebenarnya bergantung pada orang yang mengendalikan blog tersebut. Jika blog tersebut menyediakan maklumat yang padat dan berguna, maka, blog tersebut akan menerima kunjungan banyak orang. Sebaliknya, jika blog tersebut melampau dan keterlaluan, maka, blog tersebut akan mengundang kebencian dan kemarahan pembaca blog yang lain.

Blog, Remaja & Inspirasi

BLOG NO TOOL, IDE
No tooling sendiri
No ideologi sendiri
And all kinds things are there

POJOS MEMASUKI
Berkonsep, Berkesan, dan berkesan.
Berkonsep, Berkesan, dan berkesan.

Satelit memacu internet

